

Wujud Kursi Awang Had Salleh hargai legasi ilmu, perjuangan

**Prof Madya
Dr Mohamed
Ali Haniffa,**
Jabatan
Tamadun dan
Falsafah, Pusat
Pengajian
Bahasa,
Tamadun dan
Falsafah,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Almarhum Prof Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh antara tokoh pendidikan paling berpengaruh dalam sejarah pembangunan pendidikan negara. Sumbangan beliau bukan sahaja besar dalam bidang akademik, malah turut mencorakkan dasar dan falsafah pendidikan tinggi negara selepas kemerdekaan.

Tokoh kelahiran Balik Pulau, Pulau Pinang dibesarkan di Kedah dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Balik Pulau itu, juga muncul sebagai pelajar terbaik Darjah Enam bagi Kedah pada 1949.

Minat dan jiwa pendidikannya yang mendalam membawa beliau melanjutkan pengajian di Sultan Idris Training College (SITC) serta beberapa institusi pengajian tinggi lain.

Ketokohan beliau terserlah apabila diberi amanah memegang pelbagai jawatan penting. Antaranya Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM), Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kepemimpinannya berasaskan integriti akademik, pembangunan pelajar, penyelidikan serta pemerkasaan Bumiputera melalui pendidikan.

Awang Had bukan sekadar mempunyai keistimewaan dalam kepemimpinan pentadbiran universiti tetapi juga pada pemikiran dan falsafah ilmunya.

Beliau berperanan penting dalam memperjuangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pentadbiran universiti ketika negara sedang membina identiti nasional pascakemerdekaan.

Kepentingan pendidikan kebangsaan

Dalam penulisan dan pemikirannya, beliau sering menekankan kepentingan pendidikan kebangsaan, pembangunan insan serta budaya ilmu.

Sentuhan kepemimpinan beliau diterjemahkan melalui pengasasan konsep nilai kewibawaan, kebudiimanan dan jati diri institusi. Idea perjuangan tokoh pendidikan negara seperti Aminuddin Baki turut mempengaruhi pendekatan beliau dalam membangunkan universiti dan masyarakat berilmu.

Jasa besar tokoh ilmuwan ini sewajarnya terus diperkasakan agar tidak sekadar menjadi catatan sejarah. Generasi muda perlu didedahkan kepada perjuangan pendidik supaya mereka memahami

pembinaan sistem pendidikan dan institusi ilmu bukanlah sesuatu yang lahir tanpa pengorbanan serta perit jerih.

Dalam konteks hari ini, usaha mendokumentasikan sejarah pendidikan negara perlu diperkukuhkan melalui kajian, penyelidikan dan pengumpulan rekod berkaitan tokoh pendidikan tempatan. Pendekatan ini penting bagi memastikan sejarah pendidikan negara terus segar dan relevan merentasi zaman.

Sempena sambutan Hari Guru 2026, sudah tiba masanya diwujudkan Kursi Awang Had Salleh di mana-mana institusi pendidikan tinggi negara sebagai penghormatan terhadap sumbangan besar beliau.

Penubuhan kursi ini bukan sekadar simbol penghargaan, tetapi juga platform memperkukuh penyelidikan dan pemikiran dalam bidang pendidikan, bahasa, pembangunan insan dan kepimpinan akademik.

Ini bagi mengenang jasa pendidik negara dan bukan sekadar nostalgia sejarah. Usaha memastikan legasi ilmu dan perjuangan tokoh pendidik tempatan perlu diperkasakan dalam pembangunan negara.